

D117

U 8900 AAB
NAM - MAHATHIR
DARIPADA ABDUL RAHMAN SULAIMAN

BELGRADE, 3 SEPT (BERNAMA) -- MALAYSIA BERHARAP PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI YANG MENGADAKAN SIDANG KEMUNCAK KESEMBILANNYADISINIMULAI ESOK AKAN MENGUTAHAKAN TLNDAKAN DEMI KEPENTINGAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA DAN DUNIA KESELURUHANNYA.

PERDANAMENTERI, DATUK SERI DRMAHATHIR MOHAMAD YANG MENGETUAI DELEGASI MALAYSIA KE SIDANG KEMUNCAK EMPATHARIITU BERKATA DISINI HARI INI, ADALAH JELAS BAHAWA PERGERAKAN ITU YANG KINIMEWAKILI 102 NEGARA MEMBANGUNPERLUDINILAISEMULA UNTUK MENJADIKANNYA LEBIH BERMAKNA.

+SELEPAS 28 SAYAFIKIR SATU PENILAIANSEMULAHARUS DIBUAT KHUSUSNYA DARIPADA SEGI PERKEMBANGAN DUNIA SEMASA YANG KINI TIDAK LAGIBEGITUTERBAHAGI KEPADA BARAT DAN TIMUR,+BELIAU MEMBERITAHU PARA WARTAWAN MALAYSIA YANG MELIPUTI SIDANG KEMUNCAK ITU.

+KITAINGIN TAHU PERANAN PERGERAKAN ITU DAN BAGAIMANAKITA DAPAT MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH BERKESAN,+ TAMBAHNYA.

PERDANAMENTERIBAGAIMANAPUN MENINGATKAN BAHAWA INI LEBIH MUDAH DIPERKATAKAN DARIPADA DIPRAKTISKAN TERUTAMA SEKALI DALAH SESUATU FORUM SEBESAR NAM. -- LAGI

2029tIST 03 09 89

0128

UB904 A AAB
ULANGAN MEMBETULKAN DATELINE
NAM - MAHATHIR 2 BELGRADE

MENGENAIAPA YANG MALAYSIAHARAP AKAN TERCAPAI PADA PERSIDANGAN ITU, DATUK SERIDRMAHATHIRBERKATA, SEKURANG-KURANGNYA UNTUK HENYUARAKAN PANDANGANNYA MENGENAIBEBERAPAIISU ANTARABANGSA.

KATANYA, MALAYSIA, MENGANGGAP NAM SEBAGAI SATU FORUM YANG PENTING MEMANDANGKAN IA MEWAKILI BEGITU BANYAK NEGARA DUNIA.

+SUDAH TENTU APABILA KITA MENYUARAKAN SESUATU, KITA BERHARAP PANDANGAN KITA BUKAN SAHAJA DIBERIPERHATIANPADA FORUM INI TETAPI JUGA OLEH NEGARA-NEGARA LAIN DIDUNIA,+ JELAS BELIAU.

PERDANAMENTERI BERKATA, MALAYSIA PALING TERTARIK KEPADA SOAL AFRIKA SELATAN, MASALAH HUTANG NEGARA-NEGARA MISKIN, MASALAH PALESTIN DAN JUGA HASALAH DADAH.

KATANYA, MALAYSIA PASTI AKAN MENGEMUKAKAN PANDANGAN-PANDANGANNYA BERSABIT ISU-ISU ITU.

DI SAMPING ITU, NEGARA JUGA MEMANDANG BERAT MENGENAI APA Y A N G BELIAU ANGGAP SEBAGAI +SATU PERCUBAAN UNTUK MEMAKSAMELALUI SATU KONSEP BARU HAK ASASI MANUSIA DAN DEMOKRASI.+

INI LEBIH-LEBIH LA61 MEMANDANGKAN KEBANYAKAN NEGARA MASIH BERJUANG UNTUK MENDAPATKAN HAK ASASIMEREKA UNTUK HIDUP, BEBAS DARIPADA SERBA KEKURANGAN DAN BEBAS DARIPADA KETIDAKSTABILAN. -- LAGI
2052MST 03 09 89

D136

U 6907 AAB

NAM - MAHATHIR 3 BELGRADE

ISU-ISU LAIN YANG AKAN DIKETENGAHKAN OLEH MALAYSIA PADA SIDANG KEMUNCAKITU IALAH BERTAMBAHNYA DASAR PERLINDUNGAN NEGARA-NEGARA MAJU DAN KESANNYA KE ATAS NEGARA-NEGARA' ANGGOTA NAM DAN KEISTIMEWAAN NEGARA-NEGARA KUMPULAN 7 BERSABIT KEPUTUSAN-KEPUTUSAN YANG DIBUATNYA YANG MENDATANGKAN KESAN KEPADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

TERDAHULU DARIPADA ITU, PERDANA MENTERI MENYIFATKAN PEMILIHAN MALAYSIA SEBAGAI SATU DARIPADA LAPAN NAIB PRESIDEN PERSIDANGAN ITU DARI RANTAU ASIA-PASIFIK SEBAGAI SATU PENGHORMATAN BAGI NEGARA.

+KAMI INGIN BERKHIDMAT DALAM APAJUA CARA DAN KAMI BERHARAP BAHAWA KAMI AKAN DAPAT MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM MENERAJUI NAM AGAR MENCAPAI CITA-CITANYA,+ KATA BELIAU.

MENGENAI HESYUARAT DUA HALAYANG DIJADUALKAN DENGAN BEBERAPA ORANG KETUAKERAJAAN KETIKA BERADA DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA, PERJUMPAAN-PERJUMPAAN ITU AMAT BERGUNA MEMANDANGKAN MALAYSIA BERMINAT UNTUK MENDENGAR PANDANGAN-PANDANGAN TERHADAP SOAL ANTARTIKA, KESAN +GREEN HOUSE+ KE ATAS CUACA DAN SOAL LAPISAN OZON SERTA PERSOALAN MENGENAI ALAM SEKITAR AMNYA. -- BERNAMA

2106tIST 03 09 89